

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Jumaat, 11 Disember 2015

M/S : 20

20 ◊ BH2

◎ JUMAAT 11 DISEMBER 2015

BH

# Singgah Santai @ PNM erat hubungan kemasyarakatan



» Galak pengunjung manfaatkan cuti sekolah dengan aktiviti keilmuan

► Kuala Lumpur

**S**empena cuti sekolah hujung tahun ini, pihak pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia mengadakan jurusan program Singgah Santai @ PNM di Jalan Tun Razak, Timbalan Pengarah PNM Bahagian Pinjaman, Ali Rashid, berkata program sehari itu dimuatkan dengan pelbagai pengisian, aktiviti keilmuan dan maklumat hiburan, membabitkan pelbagai peringkat umur.

Beliau berkata, aktiviti bermula la jam 10 pagi hingga 5 petang itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti antaranya acara bicara santai tokoh ilmuwan, perkongsian ilmu keluarga berjaya, persempahanan teater kanak-kanak, bersama watak animasi chichi chache, gerai niaga, teka jumlah buku dan program menasak.

**Promosi jualan buku**  
Penganjur juga, katanya, menawarkan pameran dan promosi jualan buku pada harga berturut-turut.

“Pengunjung berpeluang untuk mendapatkan maklumat terkini

Jalan Tun Razak.

mengenai perkhidmatan yang ditawarkan PNM untuk semua pengguna perpustakaan,” kata dia.

Ali berkata, program bertujuan mendekatkan masyarakat setempat kepada perpustakaan dengan kepelbagaiannya berteraskan ilmu, kekeluargaan dan kemasyarakatan.

**KOMUNITI**  
Suara Komuniti menggalakkan dan membantu pembaca aktif ini ikon merodapkan maklum balas pihak berwewenang dalam menulis buku dan mengambil faedah daripada sumber yang boleh diakses lewat [suarakomuniti.blogspot.com.my](http://suarakomuniti.blogspot.com.my).

**Suntik minat membaca**  
Sebagai gedung ilmu, katanya, banyak maklumat boleh diperoleh dengan mengunjungi perpustakaan

kaan bersama keluarga kerana dapat memupuk semangat cintakan pengetahuan dalam kalangan anak kecil.

Beliau berkata, aktiviti berkenaan sejarah dengan usaha PNM untuk merapatkan hubungan warga kerjanya dengan masyarakat setempat, terutama di sekitar Lembah Klang.

Keterangan lanjut mengenai Singgah Santai @ PNM ini, pengunjung boleh menghubungi penganjur menerusi talian 03-26871809.

“**Aktiviti dipenuhi dengan pelbagai aktiviti antaranya acara bicara santai tokoh ilmuwan, perkongsian ilmu keluarga**

berjaya,

persempahan teater kanak-kanak, bersama watak animasi chichi chache, gerai niaga, teka jumlah buku dan promosi memasak”

**Ali Rashid,**  
Timbalan Pengarah PNM  
Bahagian Pinjaman

